



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (8)  
Tarikh : 21 Februari 2021

## KENYATAAN MEDIA

---

### TAHNIAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

---

Alhamdulillah, sejarah tercipta hari ini apabila Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya dalam Majlis Pemasyihuran yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, sebentar tadi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini dengan merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Dipertua MPK, Datuk Hamdan Hussin yang telah dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan. Pelantikan ini menjadikannya sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan yang pertama.

Kali terakhir majlis seumpama ini diadakan adalah pada 1 September 1979 atau lebih 40 tahun lalu sempena penarafan Kuantan dari sebuah bandar kepada perbandaran.

Saya melihat kepesatan proses perbandaran yang berlaku sepanjang tahun membawa bersama pelbagai cabaran baharu yang semakin kompleks dan perlu digalas oleh PBT. Sebagai agensi pelaksana barisan hadapan, PBT perlu mempersiapkan langkah yang strategik untuk mendepani cabaran semasa dan menggalas tanggungjawab yang diberikan.

Cabaran utama yang mendepani PBT dalam abad ke-21 ialah proses perbandaran yang pesat disamping perkembangan teknologi yang pantas daripada Revolusi Industri atau IR 4.0. Pihak PBT perlu melihat cabaran ini sebagai satu anjakan paradigma pengurusan bandar di Malaysia agar kawasan bandar menjadi lokasi yang lebih kondusif untuk didiami dengan persekitaran kehidupan yang sejahtera.

PBT juga disaran untuk melaksanakan pengurusan kewangan secara berhemah supaya lebih cekap, berkesan, berintegriti dan berakauntabiliti, di samping sentiasa kreatif untuk menjana pendapatan baharu. Selaras dengan hasrat ini, KPKT telah menyediakan fasiliti perkhidmatan gerbang pembayaran elektronik (*electronic gateway*) bagi semua permohonan kebenaran merancang. KPKT juga sedang membangunkan infrastruktur fasiliti kemudahan pembayaran secara online di PBTpay secara berperingkat di setiap PBT. Ia melibatkan pembayaran kompaun/denda, pembayaran permit/lesen dan pembayaran sewa kemudahan fasiliti milik PBT untuk kegunaan awam. Kesemua inisiatif ini adalah usaha ke arah perkhidmatan secara *counterless* yang lebih efektif dan cekap kepada rakyat.

KPKT sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memperkasakan sistem penyampaian PBT agar rakyat dapat menikmati pembangunan yang mampan di kawasan mereka.

Selain itu, PBT perlu terbuka dalam percambahan idea dan perkongsian minda bersama Kerajaan Persekutuan bagi mencapai aspirasi kerajaan ke arah menjadikan perkhidmatan PBT lebih dinamik dan berdaya saing.

Menuju ke hadapan, saya mendoakan agar Majlis Bandaraya Kuantan terus berdaya maju dalam menyediakan perkhidmatan dan persekitaran perbandaran selaras dengan kehendak dan ekspektasi rakyat.

Tahniah Majlis Bandaraya Kuantan!

**Datuk Zuraida Kamaruddin**  
**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
**21 Februari 2021**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*